

ANALISIS GENDER: MENYINGKAP KECENDERUNGAN AHLI PARLIMEN DALAM MENYUARAKAN ISU RAKYAT

(GENDER ANALYSIS: DISCOVERING THE TENDENCIES OF PARLIAMENTARY MEMBERS IN VOICING PEOPLE'S ISSUES)

Rozana Abdullah
Ketua Sektor Gender dan Kemasyarakatan
Parlimen Malaysia, Malaysia

rozana@parlimen.gov.my

ABSTRACT

Gender dapat diklasifikasikan sebagai satu konstruksi sosial yang membezakan peranan, perwatakan serta perlakuan antara lelaki dengan wanita. Kesaksamaan hak mengikut konteks perundangan antara lelaki dan wanita diperuntukkan dengan jelas dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. Setiap Ahli Parlimen menggalas tanggungjawab yang sama untuk menyuarakan hak dan kebajikan rakyat di kedua-dua Majlis Mesyuarat Parlimen. Institusi Parlimen adalah landasan terbaik bagi Ahli Parlimen untuk membincangkan permasalahan rakyat serta hala tuju negara pada masa kini dan hadapan. Selain diwakili oleh 189 (85.1 peratus) Ahli Parlimen lelaki, Parlimen Keempat Belas turut ditunjangi oleh seramai 33 (14.9 peratus) Ahli Parlimen wanita. Statistik ini jelas menunjukkan representasi wanita dalam parlimen pada masa ini, masih jauh untuk mencapai tahap 30 peratus. Oleh itu, kajian ini menganalisis soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk mengenal pasti kecenderungan Ahli Parlimen dalam mengutarakan isu rakyat. Data berkaitan kecenderungan Ahli Parlimen mengikut gender diperolehi melalui analisis yang dilakukan ke atas soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Pertama dan Kedua Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada tahun 2021 sahaja. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjentik minda pembuat keputusan untuk menggubal dasar yang lebih bersifat gender responsif, dan wanita diberi ruang untuk menyumbang secara holistik dalam pembangunan negara. Dapat disimpulkan bahawa kerusi Parlimen perlu diisi oleh lebih ramai wanita supaya isu rakyat dibangkitkan secara inklusif di dalam Majlis Mesyuarat Parlimen dan menjadi sebahagian daripada dasar dan pelan pembangunan negara.

Kata Kunci: Ahli Parlimen; Gender; Isu Rakyat; Kesaksamaan; Majlis Mesyuarat Parlimen; Representasi Wanita

ABSTRACT

Gender can be classified as a social construct that differentiates the roles, character, and behavior between men and women. Equality of rights between the two sexes is clearly provided in Article 8 of the Federal Constitution. Parliament of Malaysia is composed of two Houses: the Senate and the House of Representatives. Members of Parliament in both Houses share the crucial responsibility of representing the rights and welfare of their constituents. Parliament serves as the platform for Members of Parliament to address important issues concerning the people and the country's way forward. The Fourteenth Parliament is represented by 189 (85.1 percent) of male and 33 (14.9) female Members of Parliament. These statistics clearly show that women's representation in Parliament remains significantly low, falling short of the recommended 30 per cent quota of women as decision makers. This study examines the tendency of Members of Parliament in voicing the people's issues in both Houses sitting, with a focus on questions directed to the Ministry of Women, Family, and Community Development. Data related to the tendency of Members of Parliament was obtained through analysis of oral and written questions submitted by Members of Parliament to both Houses during the First and Second

Meetings of the Fourth Term, of the Fourteenth Parliament in year 2021 only. The findings suggest that increased female representation in Parliament is essential for voicing diverse societal concerns and fostering gender-responsive policies. The study concludes that enhancing women's roles in Parliament is crucial for inclusive governance and effective development planning.

Keywords: Member of parliament; Gender; People's Issues; Equality; Parliament Meeting Council; Representation of Women

PENDAHULUAN

Pemisahan peranan dan tanggungjawab berdasarkan gender terhasil daripada konstruksi sosial yang dibentuk oleh pemikiran masyarakat. Nilai-nilai budaya, adat resam, dan agama sesuatu bangsa membentuk pemikiran masyarakat untuk mengkategorikan kesesuaian sesuatu peranan berdasarkan jantina. Padahal, jantina hanyalah perbezaan biologi yang melabelkan seseorang individu sebagai lelaki atau wanita. Oleh itu, jantina adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah mengikut masa, adat resam, budaya dan agama. Namun demikian, masyarakat lebih gemar mengklasifikasikan sesuatu tanggungjawab berdasarkan jantina. Maka terbentuklah konstruksi sosial yang meletakkan peranan sebagai pemimpin lebih sesuai dipikul oleh kaum lelaki kerana mereka lebih dominan dan berkuasa dalam membuat keputusan. Pemikiran ini secara tidak langsung, menjadikan wanita kurang mendapat sokongan masyarakat untuk diangkat sebagai pemimpin politik.

Pemikiran sempit yang masih berpaut kepada budaya patriarki ini bukan sahaja melebarkan jurang ketidaksamarataan antara gender, malah adalah satu bentuk diskriminasi terhadap wanita dalam arena politik. Patriarki melabelkan wanita sebagai individu yang lemah dan hanya sesuai untuk menguruskan hal ehwal domestik sahaja, baik dalam institusi keluarga mahupun pentadbiran negara. Stereotaip terhadap wanita adalah virus yang mengekang kemampuan wanita untuk melebarkan sayap dan menyerlahkan kewibawaan mereka sebagai pemimpin politik. Kesannya, representasi wanita dalam bidang politik di seluruh dunia masih rendah dan kesaksamaan gender, terutamanya dalam

bidang politik di Baratkan sebagai satu usaha untuk menggapai bintang di langit. Hal ini jelas apabila jumlah pemimpin wanita bagi negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menurun daripada 17 orang pada tahun 2022 ke angka 12 pada tahun 2023 (The Guardian, 2023). Melihat kepada jumlah pemimpin wanita yang ada pada hari ini, United Nations mengganggarkan bahawa kesaksamaan gender dalam politik memerlukan tempoh 130 tahun lagi untuk dicapai. Dalam konteks negara ini, representasi wanita dalam politik turut terpalit senario yang sama apabila hanya 30 wanita yang memenangi kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Ke-15, berbanding dengan 33 wanita pada Pilihan Raya Umum Ke-14.

Penurunan jumlah wanita yang menduduki kerusi Parlimen ternyata memberi tempas kepada suara wanita dalam Majlis Mesyuarat Parlimen. Keperibadian wanita sangat sinonim dengan sifat empati dan keibuan, namun tegas dan berdisiplin dalam perkara yang melibatkan pembangunan sahsiah dan rohani anak-anak. Sifat semula jadi ini adalah atribut yang membentuk keperibadian wanita sebagai insan yang begitu prihatin terhadap permasalahan rakyat. Oleh itu, penulisan ini menyingkap hubung kait antara jumlah kerusi lelaki dan wanita dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat dengan jumlah soalan yang dilontarkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) oleh ahli parlimen. Pada masa yang sama, penulisan ini juga melihat kepada sejauh mana kecenderungan ahli parlimen lelaki dan wanita untuk menyuarakan isu rakyat melalui KPWKM. Dalam hal ini, KPWKM dipilih kerana kementerian ini memikul tanggung jawab

besar untuk menerajui pembangunan masyarakat secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebajikan produktif. Aspirasi ini dinyatakan dengan jelas dalam visi dan misi KPWKM yang memberi fokus kepada isu melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU), orang papa, warga emas, wanita, kanak-kanak, keluarga dan masyarakat. Bersesuaian dengan aspirasi ini, setiap soalan yang dikemukakan kepada KPWKM oleh ahli parlimen, secara tidak langsung mempamerkan perasaan prihatin dan kecenderungan Ahli Parlimen terhadap permasalahan rakyat.

KONSEP GENDER

Sebaik sahaja dilahirkan, jantina individu akan dikategorikan sebagai lelaki atau wanita berdasarkan anggota fizikalnya. Berdasarkan jenis jantina, masyarakat akan memberi perspektif dan persepsi terhadap peranan dan perwatakan yang perlu didokong oleh setiap individu. Secara ilmiahnya, gaya dan perwatakan yang perlu didasari oleh individu lelaki atau wanita menurut budaya dan pemikiran masyarakat akan membentuk satu konstruksi sosial yang diklasifikasikan sebagai gender. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Alif, Wan Munira, & Zumilah (2024), jantina ditentukan melalui ciri biologi seseorang individu, manakala gender adalah terma yang dicipta masyarakat untuk membezakan perwatakan, posisi, kedudukan dan pelbagai sikap yang didasari lelaki atau wanita. Secara khususnya, terma gender dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang sains sosial bertujuan menjelaskan perbezaan antara lelaki dan wanita yang terbentuk dari sifat bawaan (ciptaan Tuhan) dan budaya masyarakat (konstruksi sosial).

Budaya yang dibentuk oleh pemikiran tradisional turut mendorong masyarakat untuk melabelkan lelaki sebagai individu yang gagah, tegas dan perkasa, maka mereka selayaknya diangkat sebagai pemimpin dalam keluarga, masyarakat dan juga negara. Sebaliknya, wanita dianggap sebagai individu yang lemah, menjadikan

mereka hanya layak melakukan kerja-kerja yang tidak memerlukan tenaga dan bersifat domestik. Stereotaip dan prejudis terhadap wanita adalah satu bentuk diskriminasi yang membantutkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan wanita dalam sektor politik, ekonomi dan sosial. Tafsiran songsang oleh masyarakat berdasarkan gender telah membentuk satu kod yang mengklasifikasikan apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh lelaki dan wanita. Kod yang menjadi budaya masyarakat ini turut membezakan kecenderungan antara individu berdasarkan gender.

Menurut perspektif perundangan pula, Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tidak boleh wujud diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang. Peruntukan ini memberikan hak yang sama rata ke atas lelaki dan wanita untuk terlibat dalam apa-apa arena termasuk politik. Konsep kesamarataan gender seharusnya menjadi wadah yang membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada wanita untuk berada di barisan hadapan, dan bukan lagi sekadar menjadi tonggak di belakang tabir. Namun, pemikiran yang masih dibelenggu budaya patriarki masih terus berakar umbi dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kelompok ini meletakkan status sebagai pemimpin hanya layak dipertanggungjawabkan ke atas lelaki, sekali gus menyekat ketersediaan wanita untuk melibatkan diri dalam arena politik dengan lebih serius. Tanggapan songsang ini turut disokong oleh kajian-kajian berkaitan kepimpinan yang lebih cenderung untuk mengangkat keupayaan pemimpin lelaki berbanding wanita. Sedangkan terdapat ramai pemimpin wanita hebat seperti Margaret Thatcher, Benazir Butto dan Jacinda Arden yang telah membuktikan kehebatan mereka di persada antarabangsa.

Dalam pada itu, lelaki sering dikaitkan sebagai pemimpin yang berkesan,

menjadikan wanita terpaksa meniti laluan yang lebih sukar untuk membuktikan bahawa mereka juga adalah pemimpin yang berkaliber. Selain itu, ketersediaan wanita untuk menerima keberadaan pemimpin wanita lain sebagai rakan seperjuangan dalam barisan kepimpinan negara juga menjadi faktor yang menyekat kemajuan wanita. Seharusnya, slogan ‘wanita menyokong wanita’ bukan sekadar menjadi retorik perjuangan gerakan memperkasakan wanita semata-mata. Sebaliknya, slogan ini harus menjadi asas perjuangan untuk menarik lebih ramai wanita melebarkan sayap menduduki kerusi kepimpinan negara. Persaingan adalah satu budaya tidak sihat yang tidak memberi manfaat kepada lelaki mahupun wanita. Wanita seharusnya diletakkan sebagai pendamping kepada lelaki untuk memikul peranan yang sama rata dalam setiap sektor, dan pendorong kepada rakan wanita yang lain.

AHLI PARLIMEN SEBAGAI WAKIL SUARA RAKYAT

Sistem demokrasi memberi kuasa kepada rakyat untuk menentukan barisan pucuk kepimpinan negara melalui sistem pilihanraya. Hubungkait antara rakyat dan Kerajaan dalam sistem demokrasi adalah berpadanan dengan diktum yang dikemukakan oleh Abraham Lincoln (1809 – 1865) iaitu ‘kerajaan rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat’. Secara tidak langsung, diktum ini mengiktiraf kuasa yang ada pada rakyat dan kedaulatan negara dalam menentukan barisan kepimpinan yang akan memacu hala tuju negara. Oleh itu, pemimpin yang dipilih oleh rakyat memainkan peranan penting dalam memacu kesejahteraan rakyat dan memastikan bahawa setiap rakyat mendapat manfaat yang sewajarnya. Shamrahayu (2015) menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen ialah legislatif yang bukan sahaja membuat undang-undang bagi rakyat di Kawasan pilihan raya mereka, tetapi mereka menggubal undang-undang bagi keseluruhan negeri (bagi Dewan Undangan) atau negara (bagi Ahli Parlimen). Justeru itu, Ahli

parlimen yang terpilih hendaklah menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di kawasan yang diwakili dan juga kepada negara secara khususnya. Keupayaan Ahli Parlimen untuk melaksanakan tanggungjawab mereka akan memberi impak positif bukan sahaja kepada dirinya, malahan parti yang diwakili dan rakyat secara amnya.

Ahli Parlimen sebagai wakil suara rakyat dalam badan perundangan negara, menggalas tanggungjawab besar untuk memastikan aspek perundangan, dasar dan polisi serta segala program yang direncanakan adalah bersifat responsif gender. Shamrahayu (2015) mengatakan, terdapat tiga peranan utama Ahli Parlimen: 1. Sebagai mekanisme penyampai pendapat dan kehendak rakyat; 2. Sebagai pembuat atau penggubal undang-undang (legislatif) dan 3. Sebagai mekanisme semak dan imbang ke atas kuasa-kuasa eksekutif. Oleh itu, institusi Parlimen adalah landasan terbaik bagi Ahli Parlimen untuk membincangkan semua perkara berkaitan rakyat dan negara pada masa kini dan hadapan. Peranan Ahli Parlimen sebagai ahli badan perundangan dinyatakan dengan jelas melalui Perkara 66(1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam membahaskan isu rakyat, setiap Ahli Parlimen terikat dengan peraturan bertulis yang ditetapkan dalam “Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat” (secara ringkas disebut Peraturan Mesyuarat). Ahli Parlimen boleh melaksanakan mekanisme semak dan imbang terhadap badan eksekutif mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat melalui Pertanyaan Parlimen, Waktu-waktu Pertanyaan Menteri, Kamar Khas, Usul Persendirian, Penerangan Menteri, rang undang-undang dan jawatankuasa-jawatankuasa Dewan.

Dasar-dasar kerajaan dibentangkan di Majlis Mesyuarat Parlimen dalam bentuk usul yang dibawa oleh Kerajaan untuk diperdengar dan diperbahaskan, agar suatu keputusan dapat dicapai oleh Majlis

Mesyuarat Parlimen yang dianggotai oleh Ahli Parlimen. Seperti mana dasar-dasar kerajaan yang lain, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara yang diluluskan pemakaiannya pada tahun 1989 turut melalui proses yang sama. Dasar ini mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing, Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration). Sebagai wakil suara rakyat, Ahli Parlimen hendaklah sensitif terhadap kehendak dan keperluan rakyat pada masa ini dan juga hadapan.


JURANG ANTARA GENDER DAN PERSIAPAN MENGHADAPI NEGARA TUA

Umum mengetahui bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan wanita mengisi sebanyak 16.1 juta orang daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia (34) juta orang. Namun demikian, terdapat jurang yang ketara antara gender di negara ini seperti yang ditunjukkan dalam Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih di Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2022. Indeks Jurang Gender Malaysia (IJGM) mengukur perbezaan pencapaian di antara wanita dan lelaki dalam empat bidang utama iaitu kesihatan, pendidikan, ekonomi dan politik. Berdasarkan IJGM, pencapaian wanita adalah melebihi lelaki bagi sub-indeks Pencapaian Pendidikan (1.060), manakala Kesihatan dan Kehidupan berada pada skala 0.960. Namun begitu, kesamarataan antara wanita dan lelaki masih tidak dapat dicapai dalam sub-indeks Peluang dan Penyertaan Ekonomi (0.709). Hal ini adalah kerana Kadar Penyertaan

Tenaga Buruh Wanita (KPTB) didapati berada pada tahap 55.5 peratus pada tahun 2021 berbanding lelaki (80.9 peratus) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Tambahan pula, kajian juga menunjukkan diskriminasi dalam konteks gender menyebabkan kesukaran bagi wanita untuk terus cemerlang dalam kerjaya mereka. Antaranya, kajian oleh Norailis et al. (2022) menyatakan bahawa diskriminasi gender secara lembut dan senyap adalah punca utama kepada stereotaip jantina yang sekali gus membataskan peluang kemajuan kerjaya wanita terutamanya kemajuan profesional wanita bekerjaya. Penyataan ini ada kebenarannya apabila tinjauan “Suara Wanita di Malaysia mengenai Diskriminasi dan Gangguan di Tempat Kerja” oleh *Women’s Aid Organisation* (2020) mendapati 56 peratus wanita Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu bentuk diskriminasi di tempat kerja. Hal ini jelas apabila Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) mendapati, bagi setiap RM100 gaji dan upah diterima lelaki, wanita hanya menerima sebanyak RM96.21.

Diskriminasi terhadap wanita wajar ditangani dengan berkesan untuk mempersiapkan wanita menjalani kehidupan pada hari tua. Hal ini jelas apabila Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas melaporkan Malaysia telah menjadi negara menua pada tahun 2021 dan dijangkakan bakal diklasifikasikan sebagai negara tua menjelang tahun 2044 (Bank Dunia 2023). Dalam perkara ini, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu menakrifkan tahap penuaan negara kepada tiga kategori, iaitu negara menua apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas mencapai 7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, negara tua pada 14 peratus dan negara sangat tua pada 20 peratus (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2023). Perincian penduduk Malaysia secara menyeluruh dipamerkan dalam Rajah 1.

RAJAH 1. Penduduk Malaysia mengikut Kumpulan Umur, 1970-2050



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia menganggarkan bahawa jumlah penduduk Malaysia akan mencecah 36.9 juta pada tahun 2030. Selain itu, Jabatan Perangkaan Malaysia menjangkakan bayi yang lahir pada tahun 2022 akan hidup sehingga tahun 2095 dengan kadar jangka hayat ialah 73.4 tahun. Kadar kesuburan (TFR) rakyat Malaysia turut didapati merosot dengan ketara, iaitu daripada 4.9 anak bagi setiap wanita reproduktif pada tahun 1970 kepada 1.6 anak pada tahun 2022. Trend penurunan kadar kesuburan ini menyumbang kepada peningkatan peratusan rakyat Malaysia yang berumur 65 tahun, iaitu daripada 3.3 peratus (1970) kepada 7.3 peratus pada tahun 2022, sekali gus meletakkan Malaysia dalam kategori negara menua. Sekiranya perubahan ini tidak ditangani dengan berkesan, Malaysia akan berhadapan isu peningkatan kos penjagaan kesihatan warga emas dan kemiskinan dalam kalangan penduduk berusia emas. Oleh itu lebih ramai wanita diperlukan untuk mengisi kerusi Parlimen agar suara wanita menjadi sebahagian daripada dasar yang memacu pembangunan negara. Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fahlina Sidek menegaskan bahawa representasi wanita di peringkat Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN) serta cabang harus terus menjadi pemberdayaan Wanita PKR kerana representasi wanita dalam politik mampu menentukan dasar dan polisi lebih baik bagi melindungi golongan hawa, kanak-kanak dan warga emas serta polisi yang cenderung mengarusperdanakan

jantina (Bernama, 2023). Di samping itu, beliau juga menegaskan bahawa dengan adanya representasi gender yang adil dan saksama, isu berkaitan keganasan rumah tangga, gangguan seksual, kesihatan mental, penuaan bermaruah, kesihatan keluarga, partisipasi dalam ekonomi dan tenaga kerja serta pembangunan keluarga dapat diperjuangkan dengan lebih efektif.

Dalam konteks ini, penulisan ini tidak berhasrat untuk menyokong stigma yang mengaitkan wanita dengan peranan bersifat domestik. Namun, terdapat banyak kajian yang cenderung untuk mengutarakan bahawa sifat semulajadi wanita sarat dengan sifat empati dan kasih sayang, dan sangat bersesuaian untuk melakukan tugas sebagai penjaga atau pengasuh (caregiver). Isu pemisahan peranan berdasarkan gender ini telah lama dibangkitkan oleh Rosmah dan Habibie (2002) yang menyatakan bahawa penjagaan warga tua banyak dilakukan oleh kaum wanita kerana mereka mempunyai perasaan dan naluri yang halus dan sifat penyayang yang semulajadi. Pandangan seumpama ini menyebabkan wanita lebih banyak dipertanggungjawabkan untuk melakukan tugas domestik, seperti menguruskan rumah tangga, anak-anak dan juga menjaga ibu bapa yang sudah tua. Pada masa yang sama wanita juga memikul tanggungjawab sebagai penyumbang utama ekonomi keluarga, menyebabkan ramai wanita terperangkap dalam situasi beban berganda (triple jeopardy). Situasi ini perlu

mendapat perhatian serius oleh pembuat dasar kerana dibimbangi akan berlakunya penuaan feminisme, memandangkan separuh daripada populasi dunia dan juga Malaysia adalah terdiri daripada kaum wanita. Hal ini jelas apabila statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2024) menunjukkan bahawa populasi wanita mengisi sebanyak 16.1 juta daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia (34 juta) dan kadar jangka hayat wanita (77.4 tahun) adalah lebih lama daripada lelaki (72.5 tahun). Data ini memberi petanda bahawa Malaysia bakal diisi oleh warga emas wanita apabila mencapai tahap negara tua nanti. Sedangkan wanita terus terperangkap dalam keadaan beban berganda menjadikan wanita menua dalam keadaan kemiskinan dan tidak berdaya maju. Penuaan feminisme memerlukan lebih ramai pembuat dasar dan pemikir yang prihatin terhadap isu rakyat agar perancangan strategik dapat dirangka secara inklusif bagi mempersiapkan rakyat untuk mendepani negara tua. Menurut Muhammad Rahimi & Rashila Ramli (2022), wanita mempunyai kedudukannya tersendiri dalam proses pembangunan bersama lelaki, dan selaku Pengerusi Bersama APPGM-SDG pada tahun 2019, Yang Berhormat Nancy Shukri berjaya membawa wanita bersama dalam agenda pembangunan tempatan. Pernyataan ini adalah selari dengan kajian oleh Rosyidah Muhamad, Ummu Atiyah & Nazli Aziz (2024) yang mendapati bahawa Ahli Parlimen wanita lebih memberikan keutamaan kepada hal-hal berkaitan dengan rakyat secara umum seperti pembangunan dan kebajikan rakyat dan tidak spesifik terhadap isu-isu wanita sahaja.

Namun, Malaysia masih berpegang kepada budaya patriarki yang meletakkan pemimpin wanita lebih sesuai untuk menyandang portfolio yang sinonim dengan

perwakilan wanita berbanding lelaki yang lebih dipertanggungjawabkan untuk menyandang portfolio berprofil tinggi. Walau bagaimanapun, pemisahan akauntabiliti berdasarkan gender ini secara tidak langsung menyokong kenyataan bahawa isu berkaitan wanita, keluarga dan masyarakat lebih banyak diangkat oleh Ahli Parlimen wanita. Oleh itu, representasi wanita di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat perlu diperkasakan agar dapat mengimbangi jurang antara gender dalam konteks penyertaan politik. Sekali gus, dasar yang dirangka oleh Kerajaan akan lebih bersifat gender responsif dan dapat mempersiapkan rakyat untuk mendepani hari tua secara bermaruah.

KECENDERUNGAN AHLI PARLIMEN DALAM MENGEMUKAKAN ISU RAKYAT

Sebagai individu yang sarat dengan perasaan empati, Ahli Parlimen wanita telah terbukti lebih cenderung untuk mengemukakan soalan berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, iaitu meliputi kanak-kanak, OKU, warga emas, keluarga dan masyarakat, selain membangkitkan isu wanita secara khusus. Hal ini jelas dibuktikan berdasarkan jumlah soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat lelaki dan wanita dalam Mesyuarat Pertama (13 September – 12 Oktober) dan Kedua (25 Oktober – 20 Disember) Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada tahun 2021 seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1 dan Jadual 3.

JADUAL 1. Pertanyaan Oleh Ahli Dewan Rakyat Pada Mesyuarat Pertama dan Kedua Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas, Tahun 2021

Mesyuarat Pertama Parlimen Penggal Keempat Keempat Belas													
Isu	Kanak-kanak		Wanita		Keluarga		Warga Emas		OKU		Lain-lain		Jumlah
	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	
Lelaki	3	3	1	1	4	1	0	1	1	0	8	6	29
Wanita	5	2	5	3	4	4	2	0	0	0	14	4	43
Mesyuarat Kedua Parlimen Penggal Keempat Keempat Belas													
Lelaki	1	2	1	1	3	2	1	5	0	1	7	4	28
Wanita	4	2	3	5	6	3	3	2	2	1	11	7	49

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Penelitian ditumpukan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada tahun 2021 kerana rakyat di seluruh pelosok dunia secara umum berada dalam keadaan yang sangat kritikal ketika itu kesan daripada penularan pandemik COVID-19. Penularan COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia, menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terpaksa dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Dalam

tempoh pelaksanaan PKP, pergerakan masyarakat adalah terbatas dan aktiviti ekonomi tidak formal boleh dikatakan lumpuh seketika. Hal ini menyebabkan rakyat dihimpit masalah ekonomi yang sangat kritikal, sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan kes berkaitan bunuh diri, sakit mental dan keganasan domestik seperti yang dipamerkan dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2. Statistik Bunuh Diri Mengikut Motif (2018 – 31 Julai 2021)

BIL	KATEGORI / KONTINJEN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	JUMLAH	PERATUS
1	MASALAH KEWANGAN	53	17	16	36	17	20	24	38	1	43	20	26	66	8	385	15.87%
2	MASALAH KESIHATAN	32	9	6	28	10	10	9	13	0	24	10	11	42	0	204	8.41%
3	TEKANAN PERASAAN	98	49	15	51	22	48	16	86	0	85	43	44	111	11	679	27.99%
4	KEMURUNGAN	38	16	10	59	9	20	17	32	1	33	19	24	81	5	364	15.00%
5	MASALAH KELUARGA	81	9	6	38	4	22	26	20	0	33	18	20	56	3	336	13.85%
6	PUTUS CINTA	16	2	2	5	4	3	7	5	0	9	4	4	11	2	74	3.05%
7	NYANYUK	1	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	4	0.16%
8	SAKIT MENTAL	16	4	3	28	3	7	10	7	2	21	12	14	19	3	149	6.14%
9	MASALAH RUMAHTANGGA	9	1	1	3	1	3	6	2	0	8	10	2	20	0	66	2.72%
10	HALUSINASI	12	4	1	8	0	0	4	5	0	4	7	4	10	3	62	2.56%
11	TIDAK DIKETAHUI	19	0	1	9	4	4	3	15	0	10	2	10	25	1	103	4.25%
	JUMLAH	375	111	61	266	74	137	122	224	4	270	145	159	442	36	2426	100%

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini, jumlah kes bunuh diri yang dilaporkan di seluruh negara adalah sebanyak 2426 kes. Siasatan oleh PDRM juga menunjukkan bahawa motif utama kes bunuh diri di negara ini ialah disebabkan faktor tekanan perasaan (679 orang), diikuti oleh masalah kewangan (385 orang), dan seterusnya kemurungan (364 orang).

Bersesuaian dengan kemelut yang dihadapi oleh rakyat di seluruh negara, Ahli Parlimen di kedua-dua Majlis Mesyuarat Parlimen lebih cenderung untuk mengemukakan soalan yang menyentuh isu kesihatan dan ekonomi pada Mesyuarat Pertama dan Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas. Hal ini demikian kerana mesyuarat ini berlangsung pada tahun 2021 ketika Malaysia dan negara seluruh dunia berhadapan tempoh kritikal untuk mendepani cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19. Berikutan itu, fokus utama Kerajaan pada masa itu adalah untuk membantu rakyat mengatasi masalah sosial dan ekonomi serta mengawal keadaan semasa negara. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya Ahli Parlimen mengemukakan soalan berkaitan inisiatif yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti:

1. Penyediaan khidmat kaunseling kepada pasangan suami isteri yang tertekan akibat Perintah Kawalan Pergerakan,
2. Usaha JKM dalam meneliti serta mengambil tindakan terhadap isu penderaan kanak-kanak; dan
3. Hak kanak-kanak bagi pasangan yang bercerai ketika pandemik.

Ironinya, soalan berkaitan isu kanak-kanak, wanita dan inisiatif yang diambil oleh KPWKM dan JKM dalam membantu rakyat mendepani pandemik COVID-19 lebih banyak dikemukakan oleh Ahli Parlimen wanita, baik di Dewan Negara mahupun di Dewan Rakyat. Hal ini jelas apabila sebanyak 92 daripada 149 soalan yang

dikemukakan di dalam Dewan Rakyat kepada KPWKM pada Mesyuarat Pertama dan Kedua Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas adalah dilontarkan oleh Ahli Parlimen wanita berbanding lelaki hanya 57 soalan. Sementara itu, di dalam Dewan Negara pula sebanyak 98 daripada 147 soalan dikemukakan oleh Senator wanita berbanding 49 soalan oleh Senator lelaki. Antara Ahli Dewan Rakyat yang sering mempamerkan rasa prihatin terhadap isu rakyat melalui soalan yang dikemukakan kepada KPWKM ialah Yang Berhormat Puan Yeoh Tseow Suan (Ahli Parlimen Segambut), Yang Berhormat Puan Nor Azrina binti Surip (mantan Ahli Parlimen Merbok), dan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Wan Ismail (mantan Ahli Parlimen Pandan, sekarang Ahli Parlimen Bandar Tun Razak). Semasa menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender, Yang Berhormat Nor Azrina Surip cenderung untuk mengemukakan soalan berkaitan kanak-kanak dan wanita. Antara soalan yang dikemukakan oleh mantan Ahli Parlimen Merbok ialah:

“Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan anak yatim dan yatim piatu yang kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya akibat COVID-19 serta pelan perlindungan khusus oleh Kementerian seperti trauma kaunseling dan juga kebajikan lain termasuk pewarisan (PR-1441-L12269).”

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Merbok ini jelas mempamerkan kebimbangan beliau terhadap kanak-kanak yang kehilangan ibu atau kedua-duanya ketika pandemik COVID-19 melanda negara ini. Menerusi rujukan silang bersama Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) pula, didapati bahawa kebanyakan soalan yang dikemukakan kepada KPWKM adalah berkaitan bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan ibu tunggal dan warga emas ketika pandemik COVID-19. Namun, tiada sebarang soalan signifikan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen lelaki

berkaitan isu wanita, keluarga dan masyarakat. Selain Ahli Parlimen Merbok, Ahli Parlimen Kulai juga cenderung untuk mengutarakan soalan yang menyentuh isu rakyat. Antara soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kulai ialah:

“Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bila bantuan bulanan RM1,000 JKM untuk golongan OKU akan dilaksanakan (PR-1442-L13080).

Sementara itu, kerisauan Ahli Senator terhadap peningkatan kes gangguan seksual yang secara tidak langsung mengekang keterlibatan wanita secara lebih efektif dalam pelbagai bidang disuarakan dengan jelas melalui soalan yang dikemukakan kepada KPWKM oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato’ Sidek, iaitu:

“Puan Fadhlina binti Dato’ Sidek minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status, perkembangan dan garis masa pembentangan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual bagi melindungi dan memastikan kesejahteraan kehidupan sosial masyarakat (PN-1441-L05833).”

Penekanan terhadap isu gangguan seksual turut disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh melalui soalan yang berikut:

“Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan tindakan Kementerian dalam menyediakan panduan khusus kepada ibu bapa bagi melindungi kanak-kanak daripada gangguan seksual (PN-1441-L06193).”

Soalan yang dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator ini secara tidak langsung telah memberi sedikit penekanan kepada KPWKM untuk mempercepatkan proses penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual yang kemudiannya dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021 dan seterusnya diluluskan di Dewan Rakyat dengan suara majoriti pada 20 Julai 2022. Sementara itu, Dewan Negara meluluskan RUU ini pada 11 Ogos 2022 dengan sokongan sebulat suara oleh Ahli Yang Berhormat Senator (KPWKM, 2022).

JADUAL 3. Pertanyaan Oleh Ahli Dewan Negara Pada Mesyuarat Pertama dan Kedua Parlimen Keempat Belas, Penggal Keempat Tahun 2021

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas													
Isu	Kanak-kanak		Wanita		Keluarga		Warga Emas		OKU		Lain-lain		Jumlah
	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	L	BL	
Soalan Ahli Parlimen													
Lelaki	3	0	2	3	2	0	1	3	0	3	7	2	26
Wanita	5	3	6	4	4	2	3	2	2	0	9	3	43
Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas													
Lelaki	0	0	2	0	5	0	2	3	0	0	6	5	23
Wanita	3	3	5	7	8	6	2	0	2	4	9	6	55

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KESIMPULAN

Representasi wanita dalam bidang politik di negara ini bergerak dengan kadar yang sederhana, namun terdapat peningkatan yang baik pada Parlimen Keempat Belas, iaitu 33 (14.9 peratus) orang Ahli Parlimen wanita telah dipilih untuk mengisi ruang perdebatan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat berbanding hanya 24 (10.4 peratus) orang Ahli Parlimen wanita pada Parlimen Ketiga Belas. Secara tidak langsung, statistik ini menunjukkan sasaran untuk menyaksikan 30 peratus wanita menduduki kerusi Parlimen masih jauh untuk dicapai. Oleh yang demikian, usaha untuk memperkasakan representasi wanita dalam bidang politik perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak, terutamanya barisan kepimpinan dalam setiap parti. Ketersediaan untuk memberikan laluan kepada wanita untuk menggalas tanggungjawab lebih besar dalam parti memerlukan anjakan pemikiran secara total oleh setiap pemimpin parti. Anjakan pemikiran ini termasuklah ketersediaan untuk menepis pemikiran songsang yang masih berpaut pada budaya patriarki dan dipengaruhi oleh unsur stereotaip, yang meletakkan jawatan pemimpin hanya layak disandang oleh lelaki. Sedangkan, sekiranya pola soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada tahun 2021 dijadikan landasan, dapat disimpulkan bahawa Ahli Parlimen wanita lebih cenderung untuk membangkitkan isu rakyat, sekali gus memainkan peranan signifikan dalam membantu rakyat. Oleh itu, representasi wanita dalam bidang politik perlu diperkasakan agar isu rakyat dibahaskan di dalam Majlis Mesyuarat Parlimen secara inklusif dan menjadi sebahagian daripada dasar dan pelan pembangunan negara.

PENGHARGAAN

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23) yang diadakan di Putrajaya pada 21 – 22 November 2023. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan

kepada Parlimen Malaysia yang telah membiayai penyertaan penulis dalam PERKK 2023. Penghargaan juga ditujukan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan United Nations Population Fund Malaysia kerana telah menerima pembentangan hasil kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara pihak-pihak yang terlibat dalam penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Adibah Yasmin Alias & Mahfudzah Mustafa. (2018). *Representasi politik wanita di Parlimen: Singapura dan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernama. 2023. Representasi wanita di Parlimen terus jadi agenda pemberdayaan Wanita PKR – Fadhlina. <https://www.astroawani.com/berita-politik/representasi-wanita-di-parlimen-terus-jadi-agenda-pemberdayaan-wanita-pkr-fadhlina-447504>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/life-expectancy>
- Kementerian Ekonomi, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 Malaysia Madani: Mampan, sejahtera, berpendapatan tinggi*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Siaran Media: Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021

- Diluluskan Di Dewan Negara. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2022/SIARAN%20MEDIA%20RANG%20UNDANG-UNDANG%20ANTIGANGGUAN%20SEKSUAL>
- Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara, Penduduk Malaysia Cecah 34 Juta. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/05/20/statistik-penduduk-malaysia-kini-mencecah-34-juta-orang/#>
- Mohd Alif Jasni, Wan Munira Wan Jaafar, & Zumilah Zainalaluddin. (2024). Memahami Konsep-konsep Pembangunan Gender: Sebuah Kertas Konsep. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562). Vol.9(1): e002681.
- Muhammad Rahimi Hasan, & Rashila Ramli. (2022). Malaysia dan Arud Feminisme Global: Pembangunan Wanita dan Hubungan Antarabangsa Malaysia. *Journal of Strategic Studies & International Affairs* 2, No. 2: 128-150.
- Nizam Mydin Bacha Mydin & Johan Shamsuddin Hj Sabaruddin (2018). Pertanyaan Parlimen: Suatu kajian perbandingan: Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan oleh Menteri-Menteri dan pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat. *Sains Insani* 2018, 3(1), 10-7.
- Norailis Ab. Wahab, Nohammad Ismail, Haslee Shahril Abdullah, & Norasikin Salikin (2022). Kesihatan Mental Wanita Yang Menghadapi Diskriminasi Di Tempat Kerja. http://www.ism.gov.my/images/muatturun/kajian/K1-Kajian_Kesihatan_Mental_Wanita_Norailis_AW_et_al_21102022.pdf
- Portal Rasmi Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia. *Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-subthemes/population-and-demography>.
- Portal Rasmi Parlimen Malaysia, Aturan Urusan Mesyuarat, Mesyuarat Pertama dan Kedua Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas <https://www.parlimen.gov.my/aum-dewan-rakyat.html?uweb=dr&arkib=yes>
- Perlembagaan Persekutuan.
- Rosnah Ismail, & Habibie Ibrahim. (2002). Wanita dan Penjagaan Warga Tua: Satu Kajian Awalan Di Daerah Tuaran Sabah. <https://core.ac.uk/download/pdf/12116265.pdf>
- Rosyidah Muhamad, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, & Nazli Aziz. (2024). Peranan Perwakilan Substantif Ahli Parlimen Wanita dalam Parlimen Malaysia Ke-13. *Kajian Malaysia*. Vol. 42(1): 241-266.
- Rozana Abdullah. (2021). Gangguan seksual: Peranan Parlimen dalam penggubalan undang-undang yang relevan. *Journal of the Malaysian Parliament*, (1), 193-227.
- Shakila Yacob. *Kemahiran pemikiran sejarah: Meneroka makna demokrasi di Malaysia* https://eprints.um.edu.my/17854/1/PROF_SHAKILA.pdf
- Shamrahayu Ab Aziz. (2015, Jun 23). Peranan Wakil Rakyat. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2015/06/23/peranan-wakil-rakyat/>
- Shamrahayu Ab Aziz. (2015, Oktober 5) Peranan ahli parlimen dan sifat ketertinggalan Perlembagaan <https://www.ikim.gov.my/index.php/2015/10/05/peranan-ahli-parlimen-dan-sifat-ketertinggalan-perlembagaan/>
- Syaza Farhana Mohamad Shukri, Ishtiaq Hossain, Nurazzura Mohamad Diah, Norhaslinda Jamaudin, & Rabi'ah Aminudin. (2019). *Diskriminasi gender dalam amalan pekerjaan di kalangan penjawat awam di negeri Selangor*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- <http://irep.iium.edu.my/92101/1/IWB-Kertas-Kajian-No2-Sept2019.pdf>
Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. (2019). *Women in the House: Leadership in the Malaysian Parliament*. International Islamic University Malaysia.
- Women's Aid Organisation. 2020. Lebih Dari 50% Wanita di Malaysia Mengalami Diskriminasi Gender di Tempat Kerja. <https://wao.org.my/lebih-dari-50-wanita-di-malaysia-mengalami-diskriminasi-gender-di-tempat-kerja/>
- Yerushalmy, J. (2023, April 5). After Ardern, Marin and Sturgeon, is female representation in politics going backwards? <https://www.theguardian.com/world/2023/apr/06/after-ardern-marin-and-sturgeon-is-female-representation-in-politics-going-backwards>